

**BUDAYA ORGANISASI YANG MEMPENGARUHI PERKONGSIAN
PENGETAHUAN.**

KUMPULAN PENDIDIKAN YPJ JOHOR BAHRU



INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMI)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM, SELANGOR

MALAYSIA

OLEH ;

ZULIANA BINTI ZOLKEFLI

NOR FAZLIN BINTI UTEH

MAC 2012

ISI KANDUNGAN

1.	Surat Penyerahan Laporan	iii
2.	Surat Tawaran (Geran Penyelidikan)	iv
3.	Penghargaan	v
4.	Perubahan Tajuk dan Objektif Kajian	vi
5.	Laporan	1
5.1	Cadangan Ringkasan Eksekutif	1
5.2	Ringkasan Eksekutif	2
5.3	Pengenalan	3
5.4	Kajian Literatur	8
5.5	Metadologi	20
5.6	Keputusan dan Perbincangan	30
5.7	Kesimpulan dan Cadangan	44
5.8	Rujukan/Bibliografi	50
6.	Hasil Penyelidikan	52
7.	Lampiran	53

3 Penghargaan

Alhamdulillah, dengan segala usaha yang dinamik melalui kerja berpasukan kami akhirnya dapat menyiapkan kajian ini.

Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana memberi kami kekuatan dan keazaman untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Terima kasih juga kepada Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI) yang telah meluluskan geran ini dan memberi kepercayaan untuk kami menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali tidak dilupakan juga jutaan terima kasih kepada orang yang tersayang, keluarga dan kawan-kawan atas berkat sokongan, kasih sayang dan persefahaman mereka kepada kami selama ini.

5 Laporan

5.1 Cadangan Ringkasan Eksekutif

Pengetahuan merupakan salah satu aset penting bagi organisasi dalam membantunya untuk kekal dalam perniagaan. Pengetahuan juga dapat meningkatkan kecekapan operasi organisasi. Cabaran globalisasi memaksa semua organisasi untuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk kekal bersaing dalam industri. Oleh yang demikian, ia adalah menjadi agenda penting bagi organisasi untuk meningkatkan kebolehan perkongsian pengetahuan di antara pekerja. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti elemen budaya organisasi yang mempengaruhi perkongsian pengetahuan dan tahap perkongsian pengetahuan di kalangan pekerja pengurusan pertengahan. Pembolehubah bebas terdiri daripada elemen-elemen budaya organisasi termasuklah kepercayaan, komunikasi antara pekerja, orientasi pasukan dan struktur tidak formal. Manakala pembolehubah bersandar pula merupakan perkongsian pengetahuan. Borang soal selidik akan diedarkan kepada 100 orang pekerja di peringkat pengurusan pertengahan di Kumpulan Pendidikan YPJ, Johor Bahru. Kajian ini akan dianalisis dengan menggunakan kaedah skor min dan analisis regresi berganda.. Dapatan kajian ini akan menentukan tahap perkongsian pengetahuan dan mengenalpasti elemen budaya organisasi yang mempengaruhi tahap perkongsian pengetahuan.

5.2 Ringkasan Eksekutif

Dalam era globalisasi ini, modal insan yang cemerlang merupakan mereka yang akan berkongsi maklumat dan pengetahuan dengan orang lain. Dalam membangunkan modal insan, setiap organisasi akan menguruskan pengetahuan dikalangan pekerjaanya dengan lebih cekap dan berkesan. Dalam menguruskan pengetahuan, perkongsian pengetahuan antara pekerja semakin dilihat sebagai salah satu aktiviti utama pengekalan pengetahuan di peringkat syarikat dan menjaga keupayaan persaingan syarikat. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor budaya dalam organisasi yang mempengaruhi perkongsian pengetahuan di kalangan tenaga kerja Yayasan Pelajaran Johor (YPJ), Johor Bahru. Sebanyak 100 soal selidik telah diedarkan kepada pekerja. Dalam kajian ini hanya dua komponen budaya organisasi yang diuji iaitu individu dan struktur organisasi di mana terdapat 4 elemen di dalamnya iaitu kepercayaan, komunikasi antara pekerja, orientasi pasukan dan struktur tidak formal. Tahap perkongsian dianalisis dengan menggunakan kaedah skor min. Kajian mendapati bahawa tahap perkongsian pengetahuan di kalangan tenaga kerja Yayasan Pelajaran Johor (YPJ), adalah di peringkat sederhana. Walau bagaimanapun hasil analisis menggunakan analisis regresi berganda menunjukkan hanya dua faktor yang mempengaruhi perkongsian pengetahuan iaitu komunikasi dan kepercayaan. Cadangan juga diberikan pada akhir kajian ini.